

Jilid IV
Bil. 16



Hari Selasa
10hb Mei 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 [Ruangan 2583]

Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) 1994 [Ruangan 2714]

Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994
[Ruangan 2732]

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994
[Ruangan 2793]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2686]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU
1998

membuat apa-apa bukti yang dapat diterima oleh mahkamah. Maka saya harap pihak Pembangkang berhentilah mulai dari sekarang untuk membuat tuduhan yang tidak berasas itu.

Dengan ini, akhirnya, saya ingin menegaskan dalam Dewan ini bahawa SPR akan menjalankan tugasnya dengan cekap, licin, bersih dan adil serta akan menjalankan tugasnya mengikut lunas undang-undang negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN) 1994**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.40 *mlm.*

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Malaysia kini sedang berada dalam era pembangunan yang amat pesat. Sehubungan dengan ini terdapat pembangunan yang tidak kurang pesatnya dalam sektor kelautan dan perkapalan. Perkembangan ini dapat dilihat dari aktiviti-aktiviti pelabuhan yang semakin meningkat dengan penambahan di dalam bilangan kapal yang singgah dan jumlah kargo yang dikendalikan. Peningkatan ini juga dapat dilihat di dalam peningkatan tanan angkatan perkapalan dagang Malaysia dan pelaburan di dalam infrastruktur pelaburan bagi menampung perdagangan yang bertambah dari tahun ke setahun. Selain dari itu dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini juga terdapat perkembangan yang amat pesat dalam sektor pelancongan terutama yang bersabit dengan pengangkutan laut. Ini jelas dapat dilihat dari bilangan tempat-tempat riadah yang dibangunkan di pulau-pulau sekeliling negara dan aktiviti-aktiviti reaksi laut yang lain. Ini termasuklah pembinaan marin-marin yang sedang di dalam pembinaan dan perancangan.

Pembangunan di sektor kelautan tersebut adalah penting disusuli dengan pembangunan secara terkawal. Perkara pokok yang penting disusuli dengan pembangunan secara terkawal. Perkara pokok yang pentingnya adalah untuk

menentukan supaya pembangunan yang pesat itu tidak mengkompromikan keperluan keselamatan. Ini amat penting apabila dilihat perkembangan di dalam aktiviti pengangkutan penumpang melalui air dan riadah. Namun kawalan undang-undang juga haruslah mempunyai kelonggaran yang mana hendaklah mengikut perkembangan dan keadaan semasa. Ini walaupun tidak boleh dipertimbangkan bagi menjaga kepentingan sosio-ekonomi penduduk-penduduk Malaysia yang terbabit. Pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang dicadangkan secara amnya bertujuan:

- (i) bagi mewujudkan peruntukan baru bagi pendaftaran kapal-kapal kecil.
- (ii) mengawal dengan lebih berkesan aktiviti perkapalan di dalam perairan Malaysia dan membenarkan mengkompounkan kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan berkaitan; dan
- (iii) mengemaskan peruntukan Ordinan 1952 berkaitan pelesenan perkapalan dalam negeri.

Peruntukan-peruntukan utama yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1994 adalah seperti berikut:

Kemudahan pendaftaran bagi kapal-kapal kecil

(i) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 pada masa ini tidak menyediakan kemudahan pendaftaran yang berasingan untuk kapal-kapal kecil. Oleh itu kapal-kapal kecil yang hendak didaftarkan perlulah didaftar sebagai kapal Malaysia seperti mana kapal-kapal dagang yang lain. Untuk itu kapal-kapal kecil tersebut perlu mematuhi segala peraturan yang telah pun ditetapkan bagi kapal dagang. Keadaan ini tidak berapa menggalakkan untuk kapal-kapal kecil, khususnya bot-bot persiaran didaftar di Malaysia.

(ii) pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk membuat peraturan-peraturan bagi membolehkan Pendaftaran Kapal-kapal Malaysia mengeluarkan Sijil Pendaftaran Jangka Pendek bagi tempoh 5 tahun kepada kapal-kapal kecil. Kapal-kapal kecil ditakrifkan sebagai kapal-kapal yang tidak melebihi 150 tan kasar atau 24 kaki panjang.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta sambung besok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.